



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG
Perihal Dagangan (Pindaan) 1986
DR.29/1986

D.R. 29/86

Naskhah Sahih—Bahasa Malaysia

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk meminda Akta Perihal Dagangan 1972.

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Perihal Dagangan (Pindaan) 1986.

Tajuk ringkas.

2. Akta Perihal Dagangan 1972, yang dalam Akta ini disebut “Akta ibu”, adalah dipinda dengan memasukkan selepas perkataan-perkataan “tentang harga barang-barang;” dalam tajuk panjang perkataan-perkataan “memberi kuasa untuk memberi erti bagi apa-apa perbahasaan atau penunjukan yang digunakan berhubungan dengan harga barang-barang, bayaran atau kadar bagi perkhidmatan, tempat tinggal atau kemudahan dan untuk mengawalselia, mengawal atau melarang penggunaan perbahasaan atau penunjukan itu dalam perjalanan sesuatu perdagangan atau perniagaan;”.

Pindaan tajuk panjang. Akta 87.

Pindaan
seksyen 14.

3. Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan seksyen 14 dengan seksyen 14 baru yang berikut:

“Penun-
jukan-
penunjukan
palsu dan
mengeliru-
kan tentang
harga
barang-
barang.”

14. (1) Jika seseorang yang menawar untuk membekalkan barang-barang dari sesuatu perihal memberi, dengan apa-apa jua cara, sesuatu penunjukan palsu yang bermaksud bahawa harga yang ditawarkan bagi barang-barang itu adalah sama dengan atau kurang daripada harga yang disyorkan, maka ia adalah melakukan suatu kesalahan.

(2) Jika seseorang yang menawar untuk membekalkan barang-barang memberi, dengan apa-apa jua cara, sesuatu penunjukan yang mungkin dianggap sebagai suatu penunjukan bahawa barang-barang itu adalah ditawarkan dengan suatu harga yang kurang daripada harga barang-barang itu sebenarnya ditawarkan, maka ia adalah melakukan suatu kesalahan.

(3) Bagi maksud seksyen ini—

(a) sesuatu penunjukan mengenai suatu harga yang disyorkan—

(i) hendaklah disifatkan, melainkan jika dinyatakan sebaliknya, sebagai suatu penunjukan bahawa ianya adalah suatu harga yang disyorkan oleh pengilang atau pengeluaranya; dan

(ii) hendaklah disifatkan, melainkan jika dinyatakan sebaliknya, sebagai suatu penunjukan bahawa ianya adalah suatu harga yang disyorkan pada amnya untuk pembekalan secara jualan run-cit di kawasan di mana barang-barang itu ditawarkan;

(b) apa-apa jua yang mungkin dianggap sebagai suatu penunjukan mengenai suatu harga yang disyorkan hendaklah disifatkan sebagai suatu penunjukan itu; dan

- (c) seseorang yang mengiklankan barang-barang sebagai ada untuk pembekalan hendaklah dianggap sebagai menawar untuk membekalkannya.

(4) Jika seseorang dipertuduh atas suatu kesalahan di bawah seksyen ini, maka beban bagi membuktikan adanya dan syarat-syarat sesuatu harga yang disyorkan dan yang kepadanya ia bergantung atau bahawa kehendak-kehendak seksyen-kecil (3) telah dipatuhi hendaklah terletak ke atas orang yang dipertuduh itu.”.

4. Seksyen-kecil (1) seksyen 15A Akta ibu adalah dipinda—

Pindaan seksyen 15A.

(a) dengan memotong perkataan “atau” yang terdapat di hujung perenggan-kecil (iv);

(b) dengan menggantikan noktah di hujung perenggan-kecil (v) dengan koma bertitik dan memasukkan selepas sahaja koma bertitik itu perkataan “atau”; dan

(c) dengan memasukkan selepas sahaja perenggan-kecil (v), perenggan-kecil baru (vi) yang berikut:

“(vi) kadar atau bayaran bagi apa-apa perkhidmatan, tempat tinggal atau kemudahan yang diadakan itu.”.

5. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas sahaja perkataan-perkataan “yang melakukan kesalahan di bawah Akta ini” di mana jua terdapat dalam seksyen 18 perkataan-perkataan “atau peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya”.

Pindaan seksyen 18.

6. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas sahaja seksyen 38 seksyen baru 38A yang berikut:

Seksyen baru 38A.

“Kuasa Menteri membuat peraturan-peraturan.

38A. Menteri boleh membuat peraturan-peraturan bagi menjalankan maksud-maksud Akta ini dan, tanpa menjejaskan keluasan

makna perkataan-perkataan yang terdahulu, boleh—

- (a) memberi erti bagi apa-apa perbasaan atau penunjukan yang digunakan dalam perjalanan sesuatu perdagangan atau perniagaan berhubungan dengan harga barang-barang atau bayaran atau kadar bagi perkhidmatan, tempat tinggal atau kemudahan;
- (b) melarang, menyekat atau selainnya mengawalselia atau mengawal penggunaan apa-apa perbasaan atau penunjukan yang digunakan dalam perjalanan sesuatu perdagangan atau perniagaan berhubungan dengan harga barang-barang atau bayaran atau kadar bagi perkhidmatan, tempat tinggal atau kemudahan;
- (c) mengadakan peruntukan bagi penyeenggaraan daftar atau rekod-rekod berhubungan dengan barang-barang, perkhidmatan, tempat tinggal atau kemudahan dan menetapkan butir-butir untuk direkodkan di dalam daftar atau rekod-rekod tersebut; dan
- (d) menetapkan borang-borang bagi maksud-maksud perenggan (b).”.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda Akta Perihal Dagangan 1972.

2. *Fasal 1* adalah berkenaan dengan tajuk ringkas Rang Undang-Undang.

3. *Fasal 2* bertujuan meminda tajuk panjang Akta ibu untuk memperluaskan skop Akta ibu itu bagi memasukkan kuasa memberi erti bagi apa-apa perbasaan atau penunjukan yang digunakan berhubungan dengan harga barang-barang, bayaran atau kadar bagi perkhidmatan, tempat tinggal atau kemudahan dan untuk mengawalselia, mengawal atau melarang penggunaannya dalam perjalanan sesuatu perdagangan atau perniagaan.

4. *Fasal 3* bertujuan memasukkan seksyen 14 yang baru ke dalam Akta ibu. Ini adalah untuk memudahkan dan menyenangkan perkara-perkara mengenai harga-harga murah yang akan dikendalikan kemudiannya secara berasingan melalui peraturan-peraturan.
5. *Fasal 4* bertujuan meminda seksyen 15A Akta ibu untuk memasukkan perkara-perkara berhubungan dengan bayaran atau kadar bagi perkhidmatan, tempat tinggal atau kemudahan sebagai perkara-perkara tambahan yang mana adalah menjadi suatu kesalahan bagi seseorang untuk membuat pernyataan-pernyataan palsu atau mengelirukan mengenainya.
6. *Fasal 5* bertujuan meminda seksyen 18 Akta ibu. Ia mengadakan peruntukan mengenai penalti am bagi kesalahan-kesalahan yang dilakukan di bawah peraturan-peraturannya.
7. *Fasal 6* bertujuan memasukkan seksyen baru 38A yang membolehkan Menteri membuat perundangan subsidiari bagi mengawalselia, mengawal atau melarang penggunaan apa-apa perbendaharaan atau penunjukan berhubungan dengan harga barang-barang atau bayaran atau kadar bagi perkhidmatan, tempat tinggal atau kemudahan.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN. (U²) 1375.]